



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) DAN PELAN PEMULIHAN BENCANA (DRP)

NO SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEPOH PENJUALAN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP
086/2015/11	210106	24/02/2015 hingga 04/03/2015	RM 5.00	05/03/2015 (sebelum 12.00 tengah hari)

- Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:-
 - Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
 - Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- Satu (1) salinan SIJIL-SIJIL di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
- Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada waktu pejabat (8.30 pagi - 4.30 petang) seperti alamat di bawah. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini. Bayaran dokumen sebut harga hendaklah dibuat secara WANG POS atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
- Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab pembekal.
- MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti alamat di bawah:-

Pengarah

Bahagian Pengurusan Aset Dan Perolehan

Tingkat 10, Ibu Pejabat MARA, 50609 Kuala Lumpur.

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengahari

- Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>